



JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

KENYATAAN MEDIA (04 JANUARI 2021)

1. LAPORAN HARIAN

Hari ini terdapat **Iapan (8) kes** positif COVID-19 yang dikesan di Daerah Kuching. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak **meningkat kepada 1,148 kes**.

A. Kes Baharu COVID-19

I. Daerah Kuching: Saringan Individu Yang Balik Dari Semenanjung Malaysia: (2 Kes Import-B)

Kes 1,141 adalah seorang wanita warga tempatan (Sarawak) yang baru balik ke Sarawak dari Kuala Lumpur melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching pada 01 Januari 2021 menggunakan penerbangan dari Lapangan Terbang Kuala Lumpur (KLIA2). Kes ini telah membuat perjalanan ke Kuala Lumpur bersama keluarga beliau pada 21 Disember 2020 bagi tujuan menghantar adik bagi melapor diri bekerja di Kuala Lumpur.

Kes membuat saringan COVID-19 dan diberikan arahan kuarantin di pusat kuarantin wajib selama 10 hari sebelum dibenarkan menjalani kuarantin di rumah bagi baki tempoh arahan kuarantin. Ujian rT-PCR yang telah diambil pada 02 Januari 2021 didapati positif pada 03 Januari 2021. Manakala keputusan ahli keluarga kes yang datang bersama adalah negatif untuk ujian rT-PCR saringan pertama COVID-19.

Kes 1,143 merupakan seorang lelaki warga tempatan (Sarawak) yang telah balik ke Sarawak setelah membuat perjalanan ke Selangor melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching pada 25 Disember 2020 dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA-1).

Kes telah dimasukkan ke pusat kuarantin bagi menjalani arahan kuarantin wajib 10 hari di pusat kuarantin dan baki 4 hari di rumah. Saringan COVID-19 pertama dijalankan pada 25 Disember 2020 dan didapati negatif. Walau bagaimanapun, saringan kali kedua pada 01 Januari 2021 didapati positif melalui ujian rT-PCR.

Kedua-dua kes ini tidak menunjukkan sebarang tanda atau gejala dan telah dimasukkan ke wad pengasingan di Hospital Umum Sarawak pada hari yang sama.

Kes ini dikategorikan sebagai kes Import B kerana telah mendapat jangkitan semasa masih berada di kawasan berisiko jangkitan iaitu di Kuala Lumpur bagi kes 1,141 dan di Selangor bagi kes 1,143.

II. Daerah Kuching: Saringan Individu Yang Balik Dari Luar Negara: (1 Kes Import-A)

Kes 1,142 adalah seorang kanak-kanak warga tempatan (Sarawak) yang telah tiba di Kuching bersama ahli keluarga beliau pada 25 Disember 2020 dari Congo. Kes ini adalah anak kepada kes 1,109.

Kes telah menjalani saringan COVID-19 pertama setibanya di Sarawak pada 26 Disember 2020 dan ujian rT-PCR didapati negatif. Ujian saringan kedua iaitu pada 01 Januari 2021 mendapati kes ini positif ujian RT-PCR.

Kes ini tidak menunjukkan sebarang tanda atau gejala dan telah dimasukkan ke wad pengasingan di wad Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut.

Kes ini dikategorikan sebagai kes Import A iaitu telah mendapat jangkitan semasa masih berada di Congo dan kemungkinan mendapat jangkitan daripada kes 1,109.

III. Daerah Kuching: Saringan Individu Yang Mempunyai Kontak Kepada Kes Positif COVID-19: (4 Kes Jangkitan Tempatan)

Kes 1,144, 1,145, 1,146 dan 1,147 adalah individu-individu yang telah disaring kerana mempunyai kontak rapat dengan kes-kes yang telah dilaporkan sebelum ini yang melibatkan kluster sedia ada iaitu Kluster Stutong di Daerah Kuching. Kesemua mereka ini telah menjalani saringan pada 02 Januari 2021 dan keputusan ujian rT-PCR mendapati mereka positif jangkitan COVID-19 pada 03 Januari 2021.

Kes 1,144 adalah kontak rapat tempat kerja kepada kes 1,118. Kes 1,145 dan 1,147 adalah kontak rapat kepada kes 1,119. Manakala kes 1,146 adalah kontak kepada kes 1,120 yang telah dilaporkan sebelum ini.

Semua kes ini tidak menunjukkan tanda atau gejala dan telah dirujuk dan dimasukkan ke wad pengasingan di Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut.

Kes ini dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan yang telah mendapat jangkitan daripada kes-kes positif yang telah dilaporkan sebelum ini. Siasatan lanjut ke atas kes-kes ini dan pengesanan kontak-kontak lain sedang giat dijalankan oleh Pejabat Kesihatan Bahagian Kuching.

IV. Daerah Kuching: Saringan Sebelum Kemasukan Ke Hospital: (1 Kes Jangkitan Tempatan)

Kes 1,148 adalah seorang lelaki warga tempatan (Sarawak) yang telah menjalani saringan COVID-19 di sebuah hospital swasta di Bandaraya Kuching pada 03 Januari 2021. Kes disaring bagi tujuan kemasukan ke hospital untuk rawatan lanjut.

Dari siasatan awal kes ini tidak mempunyai kontak dengan mana-mana kes positif COVID-19 dan tidak mempunyai pergerakan ke luar negara atau sejarah perjalanan ke kawasan berisiko tinggi di mana-mana negeri lain di Malaysia.

Kes tidak mengalami sebarang tanda atau gejala dan telah dimasukkan ke wad pengasingan di Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut. Kes ini dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan berdasarkan sejarah pergerakan kes dalam tempoh satu bulan yang lepas. Kes ini masih dalam siasatan lanjut dan pengesahan semua kontak kepada kes ini sedang dijalankan bagi mengesan kemungkinan jangkitan kepada individu-individu lain.

B. Kluster Yang Masih Aktif.

Hari ini dua (2) kluster COVID-19 yang masih aktif di Sarawak iaitu:

- I. Kluster Stutong, Kuching :** terdapat empat (4) penambahan kes hari ini menjadikan jumlah keseluruhan meningkat kepada sembilan (9) kes. Sejumlah 98 individu telah disaring dimana 26 negatif dan 63 masih menunggu keputusan.
- II. Kluster Mador, Meradong :** tiada penambahan kes hari ini. Jumlah keseluruhan kes kekal lapan (8) kes. Sejumlah 1,221 individu telah disaring, dimana 300 negatif dan 913 masih menunggu keputusan.

C. Status Kes Covid-19 Di Dalam Wad Pengasingan Hospital.

Tiada kes baharu yang telah pulih dan dibenarkan discaj pada hari ini. Jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah pulih dan dibenarkan discaj kekal seramai **1,071** orang atau **93.29%** dari jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Sarawak.

Jumlah kes yang masih mendapat rawatan dan diasangkan di hospital adalah seramai **56** orang iaitu:

- 24 kes di Hospital Umum Sarawak;
- 13 kes di Hospital Sibu;
- Sepuluh (10) kes di Hospital Miri;
- Lapan (8) kes di Hospital Bintulu; dan
- Satu (1) kes di Hospital Sungai Buloh.

Hari ini, **lapan (8) PUI** baru telah dilaporkan dan **tiada PUI** yang menunggu keputusan ujian makmal.

D. Ringkasan Kes Mengikut Daerah Di Sarawak.

Hari ini, **Daerah Kuching, Miri, Sibu, Bintulu, Meradong, Bukit Mabong dan Lawas** kekal berstatus **Kuning** dengan jumlah keseluruhan 21 kes jangkitan tempatan dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas. Manakala 33 buah daerah yang lain di Sarawak berada dalam status **Hijau**.

2. LAPORAN NOTIS KOMPAUN/AMARAN/SITAAN

Pihak PDRM telah mengeluarkan **21 kompaun** di Daerah Bintulu (11), Kuching (9) dan Samarahan (1) kerana telah melanggar SOP.

Manakala pihak Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak telah mengeluarkan **56 notis** amaran lisan dan bertulis di bawah PBT seliaan mereka iaitu MPP (20), MD Serian (15), BDA (12) dan MBKS (9).

**Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives
Jaga Sarawak, Intu Sarawak**

**SEKRETARIAT
JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK
04 JANUARI 2021
5.00 PETANG**

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

Cumm. Positive Cases	1140	Total Cases still in ward		56	4.88%
New Cases	8	Cases in <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>		0	0.00%
Total Samples by Individu	215,646	Intubated Cases		0	0.00%
Cumm. Positive Cases	1148	Total Death Cases		19	1.66%
IR per 100,000 population	37.21	Recovered and discharged cases		1,071	93.29%
Lab. Results (PUI)	New	Cummulative	<i>Patient Under Investigation (PUI)</i>	New	Cummulative
Negative	1	10,005		8	11,153
Pending Result	0	0			

Current Status		SGH Kuching	Hospital Sibu	Hospital Bintulu	Hospital Miri	Hospital Sungai Buloh	TOTAL
Patients still in ward		24	13	8	10	1	56
Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>		0	0	0	0	0	0
Intubated cases		0	0	0	0	0	0
Total Death Cases		17	0	0	2	0	19
Recovered and discharged cases	New	0	0	0	0	0	0
	Cummulative	888	46	50	81	2	1067
Total re-admission cases (<i>Re-tested Positive</i>)		9	9	3	1	0	22

DAERAH KUNING (7)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Bukit Mabong	0	1	0	1	0	0	0	0	1	1	1
2	Sibu	0	139	0	33	0	26	0	0	7	7	2
3	Miri	0	924	0	69	0	59	0	1	9	10	3
4	Meradong	0	39	0	4	0	0	0	0	4	4	3
5	Lawas	0	30	0	12	0	11	0	0	1	1	1
6	Bintulu	0	338	0	59	0	50	0	0	9	9	2
7	Kuching	8	7,544	8	744	0	711	0	12	21	20	9
Jumlah		8	9015	8	922	0	857	0	13	52	52	21

Sumber: **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

DAERAH HIJAU (33)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Serian	0	337	0	27	0	27	0	0	0	0	0
2	Lundu	0	262	0	8	0	7	0	0	1	1	0
3	Limbang	0	35	0	13	0	12	0	1	0	0	0
4	Samarahan	0	609	0	116	0	112	0	4	0	0	0
5	Lubok Antu	0	29	0	4	0	4	0	0	0	0	0
6	Bau	0	189	0	7	0	7	0	0	0	0	0
7	Simunjan	0	67	0	8	0	8	0	0	0	0	0
8	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0	0
9	Tebedu	0	9	0	4	0	3	0	0	1	1	0
10	Asajaya	0	46	0	7	0	5	0	0	2	2	0
11	Sri Aman	0	57	0	5	0	3	0	1	1	0	0
12	Betong	0	191	0	17	0	16	0	0	1	1	0
13	Mukah	0	48	0	1	0	1	0	0	0	0	0
14	Matu	0	6	0	1	0	1	0	0	0	0	0
15	Sarikei	0	93	0	6	0	6	0	0	0	0	0
16	Saratok	0	28	0	0	0	0	0	0	0	0	0
17	Pusa	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
18	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0
19	Julau	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0
20	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Tatau	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Dalat	0	15	0	0	0	0	0	0	0	0	0
26	Daro	0	7	0	1	0	1	0	0	0	0	0
27	Kapit	0	37	0	0	0	0	0	0	0	0	0
28	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
29	Song	0	5	0	0	0	0	0	0	0	0	0
30	Marudi	0	13	0	0	0	0	0	0	0	0	0
31	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
32	Beluru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
33	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah		0	2,138	0	226	0	214	0	6	6	5	0

Jumlah Besar	8	11,153	8	1,148	0	1,071	0	19	58	57	21
---------------------	----------	---------------	----------	--------------	----------	--------------	----------	-----------	-----------	-----------	-----------

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Hari ini, seramai **721 Person Under Surveillance** (PUS) telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **43 buah hotel dan SC Bukan Hotel** adalah seramai **4,227 orang**. Manakala seramai **47,717 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 04.01.2021 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	Kuching (2,369)	Hock Lee	143
2		Kuching Park	114
3		Pullman	266
4		Hilton	318
5		Harbour View	136
6		Riverside (Astana Wing)	198
7		Grand Margherita	332
8		Imperial Boulevard	247
9		Tune Hotel	10
10		Dormani Hotel	48
11		Grand Continental	193
12		Meritin	50
13		Longhouse	91
14		Abell	49
15		Lot 10	35
16		Telang Usan	54
17		Imperial Riverbank	85
18	Miri (951)	Mega Hotel	105
19		Somerset	42
20		Imperial Palace	160
21		Eastwood Valley	80
22		Imperial New Wing	98
23		Paragon	55
24		Meritz	158
25		Miri	24
26		Dynasty	142
27		Kenyalang Suite	28
28		Citi Hotel	21
29		Nova	38
30	Bintulu (411)	Wasan Inn	26
31		Fairfield by Marriot	163
32		Kidurong Inn	54
33		Motel Kapok	56
34		Faber Inn	30
35		AA Inn	16
36		Ambassador	66
37	Limbang (112)	Purnama	32
38		Seri Malaysia (Lawas)	52
39		Mandarin (Lawas)	28
40	Sibu (188)	Premier	188
41	Samarahan (175)	INFRA	80
42		Kolej Rafflesia, UNIMAS	95
43	Sarikei (21)	Garden Hotel	21
		Jumlah PUS	4,227

3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)

Hari ini, sebanyak **tiga (3) lokasi di Kuching (2) dan Miri (1)** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **2,133 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 04.01.2021 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	OPERASI SEMASA	OPERASI TERKUMPUL
1	Kuching	2	719
2	Miri	1	441
3	Sibu	TIADA	201
4	Samarahan	TIADA	139
5	Sarikei	TIADA	122
6	Bintulu	TIADA	121
7	Limbang	TIADA	98
8	Serian	TIADA	72
9	Betong	TIADA	60
10	Sri Aman	TIADA	54
11	Kapit	TIADA	54
12	Mukah	TIADA	52
Jumlah Keseluruhan			2,133

4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK

Hari ini, sebanyak **29 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 04.01.2021 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	LOKASI
1	MP Padawan	1
2	MD Serian	3
3	SMC	9
4	MCC	13
5	MD Marudi	3
Jumlah		29